

30 DEC 2000

Peguam Negara-Bersara

SEJARAH AKAN MENGHAKIMI SAYA, KATA PEGUAM NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Peguam Negara yang akan bersara, Tan Sri Mohtar Abdullah yang teruk dikritik oleh pembangkang sepanjang tujuh tahun perkhidmatannya, hari ini berkata sejarah akan menghakimi apa yang telah beliau lakukan semasa menjadi pendakwa raya utama dan penasihat undang-undang kepada kerajaan.

"Biarkan sejarah menghakimi apa yang telah saya lakukan...(Biarkan) jabatan dan kerajaan menilaikannya," katanya semasa ditanya pandangan beliau sepanjang tempoh perkhidmatannya.

Ketika bercakap kepada pemberita di pejabatnya selepas bertemu penggantinya, Datuk Ainum Mohamed Saaid, Mohtar berkata apa sahaja kritikan yang dilemparkan terhadap beliau merupakan perkara yang mesti dilaluinya dan merupakan sebahagian daripada tugasnya.

"Bagi saya, sebagai Peguam Negara, saya sudah menjalankan tugas saya secara profesional dan yang terbaik mengikut kemampuan saya dan apa sahaja kritikan yang dibuat, ia adalah sebahagian daripada jawatan itu.

"Selagi kita menunaikan tanggungjawab yang terbaik mengikut kemampuan kita dan hati nurani kita jelas, saya rasa tidak ada sesalan... saya tidak merasa sesal sepanjang tujuh tahun berkhidmat sebagai Peguam Negara," katanya.

Ditanya sama ada kritikan itu tidak adil, Mohtar berkata sama ada ia adil atau tidak, terpulang kepada orang ramai untuk menghakiminya.

Mohtar, 56, dikritik oleh pembangkang kerana pengendalian beberapa kes tertentu.

Ketua Pemuda Keadilan Ezam Mohamed Nor dalam laporan polis pada 8 Mei tahun lepas mendakwa bahawa Mohtar dan pegawai kanannya dengan sengaja dan berniat jahat dengan tidak mengambil tindakan ke atas menteri kabinet yang didakwa melakukan rasuah.

Mohtar dalam satu kenyataan pada 11 Mei, 1999, berkata dakwaan oleh sesetengah individu bahawa pejabat Peguam Negara mengamalkan pendakwaan terpilih merupakan kesalahan "fitnah jenayah" mengikut Kanun Keseksaan.

Pada 30 Mei tahun yang sama, Mohtar dipetik sebagai berkata bahawa para pegawai jabatan itu tidak pernah bertindak secara tidak profesional, tidak adil atau mengambil tindakan yang berunsur politik.

"Keputusan untuk mendakwa tidak dibuat oleh saya seorang... kami mempunyai para pegawai di pelbagai peringkat bagi menilai dan mengkaji sebelum membuat sebarang keputusan," katanya yang dipetik sebagai berkata.

Beliau yang kelihatan relaks dan gembira, menyifatkan tempoh perkhidmatannya sebagai "seronok dan menarik".

"Masa yang paling bermakna dalam hidup saya. Malah, (Pejabat Peguam Negara) adalah seperti keluarga saya. Sebagai Timbalan Pendakwa Raya, saya adalah seorang pegawai di Pejabat Peguam Negara sehingga saya bersara dan menjadi hakim dan balik semula ke pejabat Peguam Negara pada 1994 untuk menjawat jawatan sebagai Peguam Negara.

"Sebagai Peguam Negara, saya mengisi masa tujuh tahun dalam suasana seronok dan menarik," kata Mohtar.

Mengenai rancangan masa depannya, Mohtar yang sudah bergelar datuk, berkata beliau akan meluangkan lebih banyak masa dengan keluarganya.

"Saya mahu bermain-main dengan tiga cucu saya dan meluangkan lebih banyak masa dengan isteri saya," katanya.

Ainum, 54, akan menggantikan Mohtar untuk tempoh dua tahun mulai Isnin ini.

Mohtar yang enggan mengulas mengenai pandangan beliau terhadap hubungan Pejabat Peguam Negara dengan Majlis Peguam dengan berkata bahawa "saya akan menjadi rakyat biasa dan sebagai rakyat biasa, saya tidak akan meluahkan pendapat peribadi saya."

Dilahirkan pada 7 Mei 1944, di Masjid Tanah, Melaka, Mohtar memulakan kerjaya dalam bidang perundangan pada 1971 dan telah berkhidmat sebagai majistret, hakim mahkamah sesyen, Amanah Raya dan penasihat undang-undang negeri Selangor.

Mohtar yang memperolehi ijazah undang-undang dari University of Singapore, dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada 1 Ogos 1990, dan sebagai Peguam Negara pada 1 Jan, 1994.

Mohtar berkata beliau gembira kerana Ainum dilantik sebagai penggantinya.

"Saya mengenali beliau, beliau adalah pegawai di Pejabat Peguam Negara dan merupakan rakan sejawatan semasa saya menjadi Peguam Negara dan saya berpendapat beliau merupakan pegawai yang cekap yang sudah pasti akan memimpin pejabat itu ke tahap yang lebih tinggi," kata Mohtar.

Mohtar berkata beliau telah berjanji dengan Ainum bahawa beliau akan memberi apa sahaja bantuan demi kepentingan Pejabat Peguam Negara dan negara.

Mohtar berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berkata bahawa beliau terhutang budi kepada Dr Mahathir dan kerajaan kerana memberi beliau peluang untuk berkhidmat untuk negara.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Mohtar di atas bimbingannya, Ainum berkata beliau tidak sabar lagi untuk bekerja dengan para pegawai dan kakitangan di Pejabat Peguam Negara.

Mengenai perubahan yang bakal dilakukannya, Ainum berkata: "Beri peluang kepada saya memulakan tugas dahulu dan saya akan mengkaji apa yang ada di sana. Ia merupakan jabatan yang baik dan saya akan meneruskan kerja-kerja baik yang ditinggalkan oleh Mohtar."

Ainum adalah bekas Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti. Beliau merupakan wanita yang pertama menyandang jawatan Peguam Negara di negara ini.

-- BERNAMA

RV ES LAT